



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

*Kemaskini sehingga 7 September 2022*

**TEKS UCAPAN PERASMIAN**  
**YB DATUK SERI RINA MOHD HARUN**  
**MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT**

**PROGRAM**  
**MAJLIS PELANCARAN DASAR DAN PELAN TINDAKAN PENDIDIKAN**  
**KESIHATAN REPRODUKTIF DAN SOSIAL KEBANGSAAN (PEKERTI)**  
**TAHUN 2022-2025**

**DEWAN PERDANA NUR, KPWKM**  
**8 SEPTEMBER 2022 (KHAMIS)**  
**10 PAGI**



Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam  
Sejahtera,

Terima kasih saudara Pengerusi Majlis.

**(SALUTASI)**

## PENDAHULUAN

1. Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran dirafakkan ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan limpah perkenan-Nya jua, kita dapat bersama-sama berkumpul pada hari ini dalam **Majlis Pelancaran Dasar dan Pelan Tindakan Pendidikan Kesihatan Reproduktif dan Sosial Kebangsaan (PEKERTI) Tahun 2022-2025.**
2. Saya ingin menzahirkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan kepada **pegawai-pegawai kanan kementerian dan jabatan, institusi pengajian tinggi, United Nations Population Fund**

**(UNFPA), Badan Bukan Kerajaan (NGO), rakan media dan para tetamu** atas kehadiran ke majlis ini. Semoga anda semua berada dalam keadaan sihat sejahtera.

3. Tidak terlambat untuk saya **mengucapkan Selamat Hari Kebangsaan yang disambut pada 31 ogos yang lalu dan Selamat Hari Malaysia yang akan disambut pada 16 September nanti.** Hayatilah erti sebenar kemerdekaan dalam meningkatkan lagi semangat patriotisme cintakan tanah air dalam diri kita.
4. Jika kita imbas kembali, pelbagai **kes yang menyentuh isu kesihatan reproduktif dan sosial** dalam kalangan masyarakat

terutamanya yang melibatkan golongan kanak-kanak, remaja dan wanita sentiasa berlaku dari semasa ke semasa. Dalam masa yang sama, pelbagai program, tindakan dan penguatkuasaan dilaksanakan oleh pelbagai agensi berkaitan untuk sama-sama **meningkatkan kesedaran, pengetahuan dan kefahaman masyarakat mengenai perkara ini.**

5. Berdasarkan statistik kes gejala sosial yang melibatkan isu seksual termasuk jenayah seksual yang direkodkan menerusi **Sistem Maklumat Nasional Isu-Isu Sosial (MaNIS)** oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) untuk tahun 2020, **kes kehamilan remaja yang**

belum berkahwin mencatatkan sebanyak 9,083 kes, kes rogol remaja pula adalah 1,378 kes manakala kes pembuangan bayi sebanyak 125 kes. Ini menunjukkan sedikit penurunan berbanding tahun 2019 iaitu kes kehamilan remaja yang belum berkahwin sebanyak **10,349 kes, 1,453 kes rogol remaja** dan pembuangan bayi sebanyak **104 kes.**

6. Bagi saya, sepatutnya menjadi keutamaan semua pihak untuk sama-sama melaksanakan tindakan yang perlu bagi memastikan statistik ini dapat diturunkan, dan seterusnya memastikan tiada lagi kes kehamilan remaja belum

**berkahwin, tiada lagi kes rogol remaja dan tiada lagi kes pembuangan bayi.**

7. Salah satu langkah jangka masa panjang yang perlu diambil adalah melalui program-program yang dilaksanakan khusus untuk meningkatkan **pengetahuan dan kesedaran masyarakat khususnya golongan remaja mengenai isu kesihatan reproduktif dan kaitannya dengan pelbagai gejala sosial.**
8. Saya percaya, perkara ini merupakan satu **elemen bagi perkembangan dan pembangunan insan yang sihat, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan hormat-menghormati antara satu sama lain.**

9. Penerapan nilai-nilai pendidikan kesihatan reproduktif dan sosial ini seharusnya menjadi asas kepada pembangunan insan, keluarga dan negara yang sihat dan sejahtera. Pada masa yang sama, kita juga perlu memastikan akses semua golongan masyarakat kepada perkhidmatan kesihatan reproduktif dan seksual ditingkatkan dalam segenap aspek.
10. Ia juga adalah **selari dengan sasaran Matlamat 5 Pembangunan Mampan (SDG) 2030 iaitu memastikan akses sejagat kepada kesihatan reproduktif dan seksual serta hak reproduktif.**



11. Usaha untuk merealisasikan perluasan pendidikan kesihatan reproduktif dan sosial telah dimulakan dengan kerjasama antara KPWKM dan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) menerusi penyediaan Garis Panduan Pendidikan Kesihatan Reproduksi dan Sosial Kebangsaan pada tahun 2006. **Elemen pendidikan kesihatan reproduktif dan sosial telah dimasukkan dalam beberapa mata pelajaran di sekolah serta modul keibubapaan yang diguna pakai oleh LPPKN.**

12. Selaras dengan aspirasi itu, **Dasar dan Pelan Tindakan Pendidikan Kesihatan Reproduktif dan Sosial Kebangsaan, PEKERTI telah dibangunkan pada tahun 2009** seiring dengan **pelaksanaan pelbagai program berkaitan pendidikan kesihatan reproduktif secara berterusan** termasuk program keibubapaan dan remaja berlandaskan kepada objektif dan strategi pelaksanaan di bawah Dasar PEKERTI.
13. Dasar PEKERTI ini dibangunkan untuk **memantapkan pelaksanaan pendidikan kesihatan reproduktif dan sosial dalam usaha melahirkan individu yang berpengetahuan dan sikap positif serta bebas dari sebarang gejala sosial.**

14. Oleh itu, pada peringkat awal penyediaan dasar ini, Kementerian telah menggariskan beberapa strategi pelaksanaan di bawah dasar ini merangkumi **4 aspek iaitu advokasi, pembangunan modal insan, penyelidikan dan pembangunan serta pemantuan dan penilaian.**
  
15. Melangkah jauh, Kementerian telah melebarkan fokus dan usaha dengan melihat kepada perspektif yang lebih luas. Usaha-usaha yang dilaksanakan kini melibatkan semua peringkat usiadaripada golongan kanak-kanak hinggalah ke warga emas di Malaysia kerana Kementerian menyedari bahawa semua golongan masyarakat di setiap peringkat umur memainkan

peranan yang signifikan memastikan penerapan ilmu pengetahuan dan tanggapan yang betul mengenai kesihatan reproduktif dan seksual serta kaitannya dengan isu-isu sosial.

## DASAR PEKERTI

Tuan-tuan dan puan-puan hadirin yang saya hormati sekalian,

16. KPWKM telah menerajui semakan semula Dasar PEKERTI, dan versi terkini bagi tempoh 2022 hingga 2025 telah diluluskan oleh Jemaah Menteri pada **27 April 2022**. Dasar ini menyentuh

**pendidikan kesihatan reproduktif dan sosial yang terpakai kepada semua lapisan masyarakat dengan mengambil kira kepelbagaian agama, budaya, nilai hidup masyarakat, kumpulan umur dan jantina di negara ini.** Selain itu, ia juga menekankan **kepentingan kerjasama strategik dan peranan pelbagai kementerian, jabatan, agensi dan NGO** yang berkaitan dalam setiap tindakan dan pelaksanaannya.

17. Dengan adanya Dasar dan Pelan Tindakan PEKERTI 2022-2025 ini, Kementerian menuntut komitmen dan kerjasama semua pihak untuk memastikan kejayaan pelaksanaannya. Saya yakin dan percaya dengan pelaksanaan dasar ini

termasuk perluasan program di seluruh negara, pengetahuan masyarakat secara menyeluruh mengenai kesihatan reproduktif dan sosial akan dapat dipertingkatkan dengan signifikan.

18. Adalah menjadi **hasrat semua pihak untuk memastikan gejala sosial dapat diatasi secara efektif terutamanya yang boleh dielakkan dengan adanya pengetahuan dan kesedaran mengenai kesihatan reproduktif dan seksual.**

19. Untuk itu, antara objektif utama Dasar dan Pelan Tindakan PEKERTI 2022-2025 ini adalah seperti berikut:

- (i) meningkatkan **kesedaran individu, keluarga dan masyarakat** mengenai kepentingan pendidikan kesihatan reproduktif;
- (ii) membangun dan **menambahbaik program pendidikan kesihatan reproduktif bersesuaian dengan budaya dan amalan** semasa di negara ini;
- (iii) **membangunkan kepakaran** dalam pendidikan kesihatan reproduktif;
- (iv) **memperbanyakkan penyelidikan dan pembangunan** untuk menambahbaik semua aspek pendidikan kesihatan reproduktif; dan

(v) memastikan pemantauan terhadap pelaksanaan program dan pelan tindakan adalah secara berterusan.

20. Saya ingin mengambil peluang ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih dan setinggi-tinggi tahniah kepada semua kementerian, jabatan, badan antarabangsa, pakar dalam bidang pendidikan kesihatan reproduktif dan sosial yang telah menyumbangkan masa, tenaga, kepakaran dan pandangan dalam membangunkan dasar dan pelan tindakan baharu ini.



21. Turut tidak dilupa, **pegawai-pegawai KPWKM dan Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN)** yang semestinya memainkan peranan yang amat penting dalam pembangunan dasar ini. Kehadiran wakil daripada semua agensi peneraju dan agensi pelaksana pada pagi ini adalah **bukti komitmen anda** dalam pelaksanaan PEKERTI kelak **bersama-sama KPWKM**. Walaupun pada hari ini kita berkumpul untuk melancarkan Dasar dan Pelan Tindakan ini, namun, saya percaya usaha awal ke arah pelaksanaan program dan tindakan seperti mana yang terkandung dalam pelan tindakan ini telahpun dimulakan oleh kementerian dan jabatan terlibat.

22. Oleh kerana perancangan sahaja tidak memadai, saya menyeru kepada semua agensi peneraju dan pelaksana pelan tindakan untuk memastikan **inisiatif dan program dilaksanakan secara kolektif dan dipantau keberkesanannya dari semasa ke semasa.**
23. Dalam hal ini, **Jawatankuasa Penasihat dan Penyelaras untuk Kesihatan Reproduksi (ACCRH) perlu memainkan peranan yang signifikan dalam membantu memantau dan menilai pelaksanaan dan perkembangan program dan tindakan semua agensi terlibat.**

24. Selain itu, jawatankuasa ini juga boleh digunakan sebagai platform untuk agensi peneraju melaporkan pelaksanaan, isu dan cabaran serta cadangan penambahbaikan terhadap setiap program atau tindakan yang dilaksanakan.

Tuan-tuan dan puan-puan hadirin yang saya hormati sekalian,

25. Menyedari bahawa isu sosial antara isu utama yang menjadi perhatian umum, saya berharap agar **semua pihak** yang terlibat akan **menyokong usaha murni** ini dan **memperjuangkan hak kesihatan reproduktif dan sosial** khususnya melibatkan

generasi muda bagi kesejahteraan masyarakat dan pembangunan negara.

26. Dalam **semangat Keluarga Malaysia**, kita berganding bahu untuk menjamin kesejahteraan keluarga dan masyarakat. Tambahan itu, walau di mana kita berada, sekeliling kita adalah golongan remaja yang bakal menjadi pemimpin masa depan negara. Mereka merupakan warisan yang akan menyambung aspirasi **Wawasan Kemakmuran Bersama**, jadi amatlah penting untuk mereka diberikan peluang untuk mencapai potensi diri di samping kesempurnaan fizikal, mental dan kesejahteraan sosial.

27. KPWKM akan terus komited dalam melipatgandakan usaha memperkasakan pendidikan kesihatan reproduktif dalam kalangan masyarakat dengan penglibatan dan kerjasama daripada semua pihak.
28. Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan ini merasmikan **Pelancaran Dasar dan Pelan Tindakan Pendidikan Kesihatan Reproduksi dan Sosial Kebangsaan (PEKERTI) Tahun 2022-2025.**

Terima kasih dan *Wabillahitaufik Walhidayah. Wassalamualaikum  
Warahmatullahi Wabarakatuh.*

**YB DATUK SERI RINA MOHD HARUN  
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT  
8 SEPTEMBER 2022**